

Kalau ada pihak mahu jadikan Komanwel eksklusif kita sedia fikir keanggotaan

PM bidas BBC anggap Malaysia tak amal demokrasi


Daripada Rosli Ismail

HARARE 16 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas Perbadanan Penyiaran British (BBC) kerana cuba menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan demokrasi dan tidak layak menjadi anggota Komanwel dalam satu temuramah dengan beliau malam tadi.

Serentak dengan itu Perdana Menteri menegaskan kerajaan sedia memikirkan semula soal keanggotaan Malaysia dalam Komanwel, jika ada pihak-pihak yang mahu menjadikan pertubuhan itu eksklusif untuk negara-negara yang merasakan diri mereka mengamalkan demokrasi tulen.

Katanya beliau merasa sangat kesal kerana BBC telah menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang tidak mengamalkan demokrasi sama seperti kerajaan Haiti dan beberapa buah negara Afrika lain.

"Mereka (BBC) merasakan mereka mempunyai hak untuk menetapkan syarat-syarat dan jika tidak memenuhinya, kita harus keluar dari Komanwel,"



ZIMBABWE 1991

katanya sebagai mengulas soalan-soalan yang dikemukakan dalam temuramah yang dibuat oleh wartawan BBC menerusi telefon ke bilik penginapannya malam tadi.

Beliau menganggap temuramah berkenaan adalah berat sebelah dan sengaja hendak memerangkapnya untuk menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan demokrasi.

"Soalan-soalan yang dikemukakan nampaknya hanya untuk tujuan berkenaan. Malah saya dapati wartawan berkenaan seperti tidak mendengar jawapannya saya, hingga saya terpaksa

mengulangnya. Yang dia pertingkatkan ialah soalnya, bukan jawapan saya," kata Perdana Menteri menggambarkan bagaimana temuramah itu berjalan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata sekalipun sikap BBC itu tidak menggambarkan pandangan rasmi kerajaan British terhadap Malaysia tetapi penyiaran temuramah berkenaan yang disiarkan ke seluruh dunia boleh menjajikan imej Malaysia.

"Kita mengakui hakikat bahawa ia bukan pandangan kerajaan British tetapi kita harus faham BBC mempunyai pendengar di seluruh dunia dan mempengaruhi fikiran orang," katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana tulisan beberapa orang wartawan Amerika yang menggambarkan Malaysia negara yang tidak mengamalkan demokrasi dan rasuah berleluasa telah mengakibatkan ramai pelabur Amerika menjauhkan diri dari Malaysia.

"Di ketika kita boleh berkata ia kebebasan akhbar, kita tidak dapat mengelak hakikat ia mempengaruhi orang menentang kita," katanya.

Menyentuh tentang dakwaan

BBC kerajaan Malaysia tidak demokratik kerana menahan orang tanpa bicara menggunakan ISA, Perdana Menteri berkata, BBC sepatutnya tahu sebenarnya ia adalah undang-undang British.

"Mereka nampaknya merasakan undang-undang seumpama itu boleh diamalkan sewaktu British (menjajah) dulu dan tidak boleh ketika kita memerintah negara sendiri," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menganggap saranan BBC agar Malaysia "membersihkan diri" untuk terus berada dalam Komanwel adalah satu pandangan berbau perkauman.

Katanya jika saranan yang tidak "masuk akal" itu diterima pasti Komanwel akan kembali mempunyai keanggotaan seperti waktu awal pembentukannya yang cuma dianggotai oleh Britain, Canada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan.

Beliau menambah, "jika Komanwel hanya eksklusif untuk mereka yang merasakan hanya diri mereka sahaja pengamal demokrasi, kita mungkin terpaksa membuat satu pemikiran semula."

Perdana Menteri berkata, beliau menjangka akan terdapat banyak kempen-kempen seperti yang dijalankan oleh BBC untuk memecah-belahkan Komanwel atau "sesuatu seumpamanya."

Mengenai soal demokrasi beliau berkata seseorang harus spesifik tentang apa sebenarnya demokrasi.

Menurutnya demokrasi berubah-ubah. Beliau memberi contoh di mana Britain sendiri 100 atau 50 tahun lalu tidak layak disebut sebuah negara demokrasi.

"Demokrasi dalam sebuah negara tidak sama dengan sebuah negara lain," ujarnya.

"Kita yakin kita adalah sebuah negara merdeka dan berdaulat. Maka, kita berhak untuk mentadbir negara kita sendiri mengikut cara rakyat mahu kita tadbir melalui pilihanraya," tegasnya.